



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
(MALAYSIAN PALM OIL BOARD)**

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi perkara berikut :-

NO. & TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN	SYARAT PENDAFTARAN
MPOB(SH/PPB/BSRD)02/2024 PERKHIDMATAN PENJUJUKAN <i>SHOTGUN</i> <i>METAGENOMICS</i> PADA JENIS TANAH YANG BERBEZA	Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga: 20 Februari 2024 (Selasa) hingga 26 Februari 2024 (Isnin) Masa: 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari atau 2.00 petang hingga 4.00 petang Tempat: Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 603-8769 4524	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang: 222702 : Perkhidmatan lain- lain – Marker/DNA; atau 222705 : Perkhidmatan lain- lain – Ujian Makmal dan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax</i> <i>Compliance Certificate</i>) dan Sijil Pendaftaran Bumiputera (jika ada)

- Dokumen sebut harga** diberi secara **percuma** kepada syarikat-syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan mulai **20 Februari 2024 (Selasa)** sehingga **26 Februari 2024 (Isnin)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari atau dari 2.00 petang hingga 4.00 petang di alamat seperti jadual di atas.
- Hanya pemilik syarikat (**Penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM**) sahaja yang boleh menandatangani dokumen sebut harga, manakala untuk mengambil dokumen sebut harga, wakil sah syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
- Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah pada **29 Februari 2024 (Khamis), pukul 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

(Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan)